

30/01/1999

WEF 1999 pentas berkecuali untuk suarakan pendapat

Azizi Othman in Davos, Switzerland
FORUM Ekonomi Dunia (WEF) kembali lagi. Kali ini ialah yang ke-29 mesyuarat berprestij, yang mengumpulkan paling ramai tokoh terkemuka dunia itu, diadakan. Melihat kepada perangkaan yang dikeluarkan, ia adalah paling besar pernah diadakan sejak dimulakan pada 1971.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang tiba di sini kelmarin adalah di antara 40 ketua negara yang menyertai mesyuarat tahunan WEF kali ini. Selain itu, lebih 1,000 ketua eksekutif daripada entiti korporat terbesar dunia, 26 pemimpin kanan politik dan 300 ilmuan ternama dalam pelbagai bidang turut mengambil bahagian.

Davos, bandar peranginan terpencil di kawasan pergunungan Switzerland yang biasanya sepi, kini bertukar wajah. Perniagaan dan hotelnya yang sememangnya hidup hasil `tempias' program WEF setiap tahun, membuat pelbagai persediaan menerima ribuan tetamu asing.

Seluruh bandar yang sepi dan dilitupi salji hampir sepanjang tahun ini, tiba-tiba `hidup'. Jalan raya sempit dan berliku ke Davos yang biasanya sunyi bertukar sibuk manakala masyarakat media sejagat mula bertumpu di sini. Dianggarkan, 200 pemimpin media dan lebih 250 organisasi berita di seluruh dunia kini berada di sini. Salji tebal sejak beberapa hari lalu sehingga hampir memutuskan hubungan jalan raya di antara Zurich dan Geneva dengan Davos, tidak menghalang sesiapa untuk ke sini.

Seperti setiap kali WEF sebelum ini berlangsung, pihak berkuasa Switzerland sudah bersiap sedia mengerah tenaga beribu-ribu pegawai bagi memastikan forum di Davos berjalan lancar. Ribuan jentera membersihkan salji di jalan raya beroperasi, kekerapan khidmat kereta api gunung ke sini ditambah, jumlah penerbangan ke Switzerland diperbanyak malah pakej helikopter ke Davos turut disediakan.

Senarai kehadiran ke WEF kali ini seolah-olah memberi gambaran bahawa dunia kini berada di Davos. Kalangan ketua negara semuanya hebat manakala delegasi pemimpin sektor swasta pula menggambarkan seperti seluruh teraju syarikat termasyhur dunia mengadakan perjumpaan tahunan mereka. Pakar sains, teknologi, ilmuan malah pejuang seni turut enggan ketinggalan.

Selain Dr Mahathir, pemimpin lain yang hadir termasuk Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore; Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela; Canselor Jerman, Gerhard Schröder; Perdana Menteri Russia, Peter Stoloyev; Perdana Menteri Kanada, Jean-Chretien, Presiden Mesir, Hosni Mubarak; dan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Kofi Annan. Negara tuan rumah diwakili presidennya, Ruth Dreifuss.

Masyarakat perniagaan pula antara lain diwakili Presiden Sony Corporation, Nobuyuki Idei; Pengerusi, Presiden dan Ketua Eksekutif Hewlett-Packard, Lewis Platt; Pengerusi dan Pengarah Urusan Goldman Sachs, Peter Sutherland; dan Pengerusi dan Ketua Eksekutif Vivedi, Jean-Marie Messier. Tidak ketinggalan ialah pembiaya kewangan kontroversi, George Soros.

Berbeza dengan keadaan sebelum ini, WEF 1999 jelas memberi tumpuan khusus kepada Asia Timur dan tidak hairanlah mengepalai senarai jemputan kali ini ialah Dr Mahathir yang diiktiraf sebagai antara pemimpin paling kanan dari kalangan negara timur. Lantas, tidaklah ganjil jika kehadiran Perdana Menteri di sini kali ini mendapat tumpuan meluas media antarabangsa.

Lebih daripada itu, Perdana Menteri turut diberi penghormatan untuk menyampaikan ucap tama pada satu majlis jamuan tengah hari kepada kalangan

pemimpin sektor swasta dan kerajaan negara lain, sekali gus memberi pengiktirafan kepada suara Malaysia dalam forum berprestij seperti WEF.

Dr Mahathir juga diberi satu slot dalam sesi Diskusi Ekonomi Sejagat (WEB) yang akan berlangsung selepas itu yang mana beberapa pemimpin perniagaan ternama dunia diberi peluang berdialog dengan beliau untuk mendapatkan pandangannya mengenai pelbagai isu terkini yang melanda ekonomi sejagat.

Semua ini sebenarnya secara tidak langsung membuktikan penerimaan masyarakat sejagat terhadap suara lantang Malaysia dalam memperjuangkan pelbagai isu cabaran semasa secara pragmatik walaupun ia sering saja menjadikan Kuala Lumpur kurang popular di kalangan media asing. Ia juga membuktikan bahawa idea yang diketengahkan Perdana Menteri mendapat perhatian sedunia.

Sebenarnya, pengiktirafan WEF terhadap suara Malaysia amnya dan Dr Mahathir khususnya mempunyai signifikansi tersendiri. Ini kerana, WEF ialah satu forum yang dianjurkan dengan imej dan konotasi tersendiri bahawa ia adalah platform paling utama untuk memupuk kerjasama global di antara masyarakat perniagaan, Ketua kerajaan, cendekiawan dan pemimpin pertubuhan awam ke arah memperbaiki peradaban dunia.

Lebih daripada itu, aspek penting mengapa WEF boleh memberi pengiktirafan sebesar itu kepada suara Malaysia ialah kerana identiti forum itu sendiri yang bersifat berkecuali, tidak berkepentingan kepada sebarang pihak, tidak bertujuan mengaut untung serta tanpa motif politik atau menyebelahi kepentingan mana-mana negara.

Itulah sebabnya WEF yang diperbadankan 29 tahun lalu dan menganjurkan mesyuarat tahunannya sejak 1971 boleh tampil untuk memberi pengiktirafan seumpama kepada Malaysia. Ia sama sekali berbeza dengan pelbagai forum lain yang sering menjurus kepada matlamat memelihara kepentingan pihak tertentu, terutama kuasa besar dunia dalam setiap agenda, forum atau program yang diunjurnya.

Kecenderungan itu menyebabkan tidak mengira negara mana yang menjadi tuan rumah, sering ada kecenderungan untuk menyebelahi kuasa besar dengan kepentingan tertentu dan akibat daripada perkembangan itu banyak saranan serta idea bernas yang dikemukakan, dikuburkan hanya semata-mata tidak mendapat `restu' kuasa besar berpengaruh.

Berbeza dengan keadaan di Davos, tiada pihak tidak boleh mempertikaikan sebarang tindakan pengajur untuk mengetengahkan mana-mana pemimpin atau negara yang dirasakan sesuai, layak dan memang mempunyai merit untuk ditampilkan. Dalam kes WEF kali ini, yang jelas ialah tiada siapa dapat mempersoalkan mengapa Dr Mahathir menjadi antara pemimpin yang diberi pelantar untuk menyuarakan pendapatnya.

Lebih penting lagi sebenarnya ialah di WEF, pihak yang bersetuju dengan saranan dan cadangan yang dikemukakan oleh Malaysia tidak akan keberatan untuk menyuarakan sokongan mereka, berbeza seperti pada forum lain yang sering bersifat berat sebelah. Ini kerana, suara sokongan mereka tidak boleh dipertikaikan secara negatif oleh kuasa besar yang enggan menerimanya.

Fenomena inilah yang sebenarnya tersirat di sebalik undangan yang diberikan oleh pengajur WEF kepada Dr Mahathir bahawa di sebalik kritikan yang sering dihamburkan kuasa besar dunia atas suara lantang Malaysia mengkritik kepincangan sejagat, ramai yang mengkagumi dan mengakui kebenarannya tetapi keberatan menyatakan sokongan terbuka mereka.

Ketika ini, dalam cuaca dingin membeku di WEF 1999 yang bermula Davos, Malaysia mempunyai satu alasan untuk terus merasa hangat kerana suara pemimpin kita yang sering tidak popular di kalangan kuasa besar, sebenarnya diterima sebagai teras penting ke arah `Membentuk Agenda Global' sejajar tema Program Ketua Kerajaan di WEF kali ini.

